



SEKSYEN 245 (1), (2), (3) & (4) - AKAUN HENDAKLAH DISIMPAN

(1) Syarikat, pengarah dan pengurus syarikat hendaklah memastikan:

a- Apa-apa rekod perakaunan dan rekod lain disimpan dengan secukupnya bagi menjelaskan transaksi dan kedudukan kewangan syarikat dan membolehkan akaun untung rugi dan kunci kira-kira dapat disediakan dengan betul dan tepat termasuk dokumen sokongan yang lengkap; dan

b- Apa-apa rekod perakaunan dan rekod lain disimpan mengikut cara yang membolehkan ia diaudit dengan mudah dan sepatutnya.

(2) Syarikat, pengarah dan pengurus syarikat hendaklah menyebabkan supaya catatan yang sewajarnya dibuat dalam rekod perakaunan dan rekod lain dalam masa 60 hari dari selesainya transaksi yang berhubung dengan catatan itu.

(3) Syarikat hendaklah menyimpan rekod yang disebut dalam subseksyen (1) selama tempoh 7 tahun selepas selesai transaksi atau pengendalian yang berhubung dengan catatan tersebut.

(4) Rekod yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah disimpan di pejabat berdaftar syarikat atau di mana-mana tempat lain yang difikirkan patut oleh pengarah, dan hendaklah pada setiap masa dibuka bagi pemeriksaan oleh pengarah.

PENALTI: Seksyen 245 (9) - Syarikat dan tiap-tiap pegawai syarikat yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi RM500,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya.